

SIDANG EDITOR

PENAUNG

Dato' Dr. Firdaus Abdullah
Ketua Pengarah DBP

PENASIHAT

Hjh. Noresah Baharom
Pengarah Jabatan Bahasa

Izzah Abdul Aziz

Ketua Bahagian Pengembangan
Bahasa Sektor Swasta

KETUA EDITOR

Mashitah Taharin
(mashitah@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Normala Mohamad Yusof
(normala@dbp.gov.my)

EDITOR DBP

Raja Masittah Raja Ariffin
(masittah@dbp.gov.my)

Azmi Ibrahim

(azmi@dbp.gov.my)

Shahrin Nizal Mohd. Nor

(shahrin@dbp.gov.my)

Wan Khairoslinda

Wan Mohd. Khairi

(linda@dbp.gov.my)

Hassan Alias

(hassan@dbp.gov.my)

Wan Mohd Saophy Amizul

Wan Mansor

(amizul@dbp.gov.my)

Ismail Karmun

(karmun@dbp.gov.my)

PENYELARAS LAMAN WEB

Rohana Yahya

(rohana@dbp.gov.my)

EDITOR DAWAMA SDN. BHD.

Norida Jalaluddin

(norida@dawama.com.my)

EDITOR SASTERA BHSB

Salbiah Ani

(bhsastera@nstp.com.my)

REKA LETAK

Zalina Haron

PENGIKLANAN

A.R. Sivarajan

(arsiva@nstp.com.my)

FOTO

Jalil Kasim

Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-21482875;
Faks: 03-21422029

RENCANA EDITOR

Bahasa Kita Tanggungjawab Kita

MERDEKA! Merdeka! Merdeka! Demikianlah gema kemerdekaan yang dilayangkan oleh Bapa Kemerdekaan kita pada 31 Ogos 1957 dahulu. Tidak lama lagi kita akan merayakan ulang tahun kemerdekaan yang ke-48 tahun. Usia empat puluh lapan tahun melambangkan kematangan fikiran seseorang. Namun, dalam konteks megah bahasa, adakah semua warga Malaysia benar-benar matang dari sikap cinta akan bahasa kebangsaan atau masih lagi dibayangi sikap mengagungkan bahasa penjajah?

Berbagai-bagai slogan yang telah dicipta oleh pejuang-pejuang bahasa semasa mereka memperjuangkan kemerdekaan dahulu. Antaranya, "Bahasa Jiwa Bangsa" dan "Bahasa Menunjukkan Bangsa". Slogan-slogan ini menunjuk-

kan sikap cinta akan bahasa kita yang mendalam yang melambangkan jati diri bangsa.

Malahan, salah satu punca yang mendorong mereka memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada pihak British dahulu adalah atas dasar cinta akan bahasa kebangsaan. Mereka tidak mahu bahasa penjajah menjiwai jiwa anak merdeka. Salah satu punca kejayaan kita memperoleh kemerdekaan secara aman daripada pihak British juga, adalah kerana semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh masyarakat berbilang kaum melalui satu bahasa perpaduan kaum, iaitu bahasa Melayu yang dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Dewan

Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan kerajaan yang dipertanggungjawabkan membina dan mengembangkan bahasa kebangsaan. Antaranya ialah proses standardisasi bahasa Melayu melalui peraturan tentang penggunaan bahasa Melayu yang betul.

Oleh itu, sebagai warga merdeka yang boleh dianggap matang "dalam konteks usia kemerdekaan" haruslah sentiasa memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan tidak mengamalkan bahasa rojak. Sebagai warga yang bebas dan merdeka marilah kita sama-sama memartabatkan bahasa kebangsaan. Sektor korporat harus turut sama memartabatkan bahasa kebangsaan. Bahasa kita tanggungjawab kita.

mashitah@dbp.gov.my

NUKLEUS Bersama Hajah Noresah Baharom



Antara "Bahasa Malaysia" dengan "Bahasa Melayu"

PENGGUNAAN ungkapan bahasa Malaysia dan bahasa Melayu sering menjadi pertanyaan dalam kalangan penutur bahasa Melayu, sama ada penutur asli, penutur bukan Melayu di Malaysia mahupun pelajar asing di luar dunia Melayu.

Mengikut Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara Malaysia. Ungkapan "bahasa Malaysia" tidak digunakan dalam perlembagaan tetapi hanya digunakan oleh masyarakat Malaysia demi menimbulkan rasa milik bersama bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa perpaduan rakyat Malaysia. Oleh itu, usaha memartabatkan bahasa kebangsaan seharusnya menjadi tanggungjawab semua kaum di Malaysia.

Dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) ke-6 baru-baru ini, Prof. Dr. Bernd Nothofer, anggota MABM yang mewakili wilayah Eropah, dan Prof. Dr. Uli Kozok yang mewakili Amerika Syarikat, melaporkan bahawa daripada 100 buah institusi yang mengajarkan bahasa Melayu di luar negara, kecuali di Beijing, hampir semuanya mengajarkan bahasa Indonesia pada tahap satu dan tahap dua. Bahasa Melayu diajarkan hanya pada tahap atas, tidak pada tahap bawah atau menengah. Persoalannya menga-

pakah situasi begini berlaku? Apakah pula perbezaan antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia?

Bahasa Indonesia ialah bahasa yang telah berkembang dan dikembangkan menjadi bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, dan bahasa pembinaan tamadun bangsa bagi lebih daripada 220 juta rakyat Indonesia. Untuk tujuan yang sama seperti di Malaysia, bahasa Melayu di Indonesia dinamai bahasa Indonesia. Di Brunei Darussalam pula, tidak timbul kesulitan untuk menyebut bahasa Melayu sebagai bahasa Brunei.

Berbalik pada persoalan mengapakah bahasa Indonesia sahaja dan tidak bahasa Malaysia yang diajarkan pada tahap satu dan dua di luar negara, jawapannya adalah kerana secara tradisinya masyarakat luar negara lebih mengenali bahasa Indonesia daripada bahasa Melayu, malahan ada yang terkejut apabila diberitahu bahawa bahasa Indonesia itu adalah berteraskan bahasa Melayu dan merupakan variasi bahasa Melayu. Selain itu, kewujudan ribuan bahasa daerah dan dialek di Indonesia merupakan daya tarikan kepada pengkaji luar negara untuk menerokai kajian di sana, dan untuk itu tentulah penguasaan bahasa Indonesia diberikan perhatian.

Penjelasan di atas mungkin dapat meleraikan

persoalan yang dikemukakan penutur bahasa di Malaysia tetapi belum lagi dapat menjawab kemusykilan pelajar asing di luar negara. Mengapakah hanya pada tahap atas mereka baru layak dan sesuai diperkenalkan dengan bahasa Melayu? Apakah bahasa Indonesia itu bukan bahasa Melayu? Pada saat ini, MABM yang bersidang baru-baru ini menegaskan bahawa bahasa kebangsaan yang dituturkan di Malaysia, Indonesia, dan Brunei Darussalam merupakan variasi bahasa Melayu. Maknanya, bahasa Melayu di Indonesia yang disebut sebagai bahasa Indonesia merupakan salah satu variasi bahasa Melayu, manakala bahasa yang dituturkan di Malaysia pula merupakan bahasa Melayu variasi Malaysia, begitulah juga halnya dengan bahasa Melayu Brunei. Dengan demikian, mempelajari bahasa Melayu variasi Malaysia pada tahap atas oleh pelajar asing di luar negara merupakan satu keperluan agar pelajar mendapat gambaran menyeluruh tentang pelbagai variasi yang terdapat dalam bahasa Melayu berbanding dengan penutur di negara-negara berbahasa Melayu yang hanya menguasai satu variasi sahaja. Apakah gabungan ciri yang terdapat dalam pelbagai variasi bahasa Melayu ini akan menghasilkan pertumbuhan bahasa Melayu supranasional? Hanya usaha sama MABM dan masa yang dapat menentukannya.

SURAT

SAUDARA Ketua Editor,

Saya masih keliru dengan ejaan dan penggunaan gelaran DATUK, DATO', dan DATO yang digunakan untuk menunjukkan gelaran yang diterima oleh seseorang. Dalam media massa mereka menggunakan ejaan DATUK untuk menunjukkan gelaran kehormat. Contohnya DATUK SERI ABDULLAH. Tetapi ada juga setengah pihak yang menggunakan ejaan DATO' atau DATO.

Sekian, terima kasih.

Syahmi bin Ahmad Ramly,
No 9, Jln TMJ 1,
Taman Maran Jaya,
26500 Maran, Pahang.

Perbezaan antara Datuk dengan Dato'

Saudara,

Dato' ialah gelaran kehormat bagi penerima Anugerah Darjah Kebesaran yang dianugerahkan oleh Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Sultan atau Raja, manakala Datuk ialah gelaran kehormat bagi penerima Anugerah Darjah Kebesaran yang dianugerahkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Yang Dipertua, seperti Melaka, Sarawak, dan Sabah. Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, atau Bahagian Protokol, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

berkenaan. Saudara boleh juga merujuk definisi Dato' dan Datuk dalam *Kamus Dewan edisi keempat*.

Buku *Protokol di Malaysia Tradisi dan Amalan*, terbitan DBP juga ada memberikan maklumat tentang Darjah-darjah Kebesaran yang dianugerahkan khususnya, oleh Kerajaan Persekutuan.

● Pengirim surat ini akan menerima cenderamata istimewa daripada *Klik DBP*. Hantarkan pendapat atau pertanyaan anda kepada Ketua Editor, *Klik DBP*, Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Swasta, DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur atau e-mel: mashitah@dbp.gov.my.

MUNSYI



Penggunaan bahasa rojak harus dielakkan kerana ia mencemarkan kemurnian bahasa.